

Sejarah Awal Masyarakat Arab di Johor

Mohd Sohaimi Esa (PhD)
*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Universiti Malaysia Sabah*

Abstrak

Masyarakat Arab boleh dianggap sebagai penduduk minoriti di Johor. Sebahagian besar mereka terdiri daripada keturunan Syed Alawiyyah, di samping masyarakat bukan keturunan Syed yang bergelar Sheikh. Sungguhpun sebagai penduduk minoriti, tetapi mereka telah mendapat tempat yang baik dan istimewa daripada kerajaan Johor. Hal ini jelas jika dilihat peranannya di negeri ini, khususnya dalam bidang agama dan ekonomi. Justeru itu, kertas kerja ini akan membincangkan sejarah awal masyarakat Arab di Johor, khususnya pada awal abad ke-19 hingga awal abad ke-20. Antara perkara yang dibincangkan termasuklah pola penghijrahan dan penempatan, taburan penduduk dan corak kehidupan mereka di negeri ini. Status mereka sebagai rakyat negeri Johor juga dibincangkan dalam kertas kerja ini.

Kata Kunci: Arab, Johor, Syed, Sheikh, penduduk

Sejarah Awal Masyarakat Arab di Johor

Mohd Sohaimi Esa (PhD)
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Universiti Malaysia Sabah

Pendahuluan

Masyarakat Arab boleh dianggap sebagai penduduk minoriti di Johor. Sebahagian besar mereka terdiri daripada keturunan Syed Alawiyyah, di samping masyarakat bukan keturunan Syed yang bergelar Sheikh. Sungguhpun sebagai penduduk minoriti, tetapi mereka telah mendapat tempat yang baik dan istimewa oleh kerajaan Johor. Hal ini jelas jika dilihat peranannya di negeri ini, khususnya dalam bidang agama dan ekonomi. Justeru itu, kertas kerja ini akan membincangkan sejarah awal masyarakat Arab di Johor, khususnya pada awal abad ke-19 hingga awal abad ke-20. Antara perkara yang dibincangkan termasuklah pola penghijrahan dan penempatan, taburan penduduk dan corak kehidupan mereka di negeri ini. Status mereka sebagai rakyat negeri Johor juga dibincangkan dalam kertas kerja ini.

Sejarah Awal

Perkataan *Johor* lebih hampir dengan istilah Arab iaitu *Jauhar* yang membawa makna, “permata” berbanding dengan istilah-istilah lain seperti *Wurawari*, *Ujung Tanah*, *Hujung*

*Medini*¹ dan *Ganggayu*² yang juga merujuk kepada nama asal negeri ini. Dan sebutan *Jauhar* itu manandakan harus terbitnya nama negeri Johor. Di sini jelaslah bahawa terdapatnya pengaruh atau hubungan yang rapat antara orang Arab dengan negeri Johor. Hubungan ini berlaku sejak mereka mula belayar dan berdagang di Nusantara dengan menyusuri pengairan Johor untuk ke Tiyumah (Tioman) sebelum meneruskan pelayaran ke China.

Kehadiran beberapa orang tokoh Arab yang terkenal dapat dikesan sejak sebelum lahirnya kerajaan Johor sekitar abad ke-16M. Kisah ketokohan mereka dikaitkan dengan penyebaran agama Islam dan pembabitan mereka dalam bidang politik. Johor telah dijadikan salah satu kawasan persinggahan mereka sebelum menetap di tempat-tempat lain.

Di Johor, penglibatan mereka dalam politik dapat dikesan sejak Tun Habib Abdul Majid sebagai bendahara dengan gelaran Sri Maharaja. Menurut R.O. Winstedt,³ Tun Habib Abdul Majid berketurunan Arab Syed Hadramaut iaitu bersusur-galur daripada “Hashimite Sayid Aidarus” yang telah berhijrah ke Aceh. Tun Habib Abdul Majid telah dilantik sebagai bendahara pada tahun 1688 semasa pemerintahan Sultan Mahmud Syah II (1685-1699). Sepanjang tempoh pentadbirannya, beliau telah berjaya mengekalkan

¹ Istilah *Wurawari* berasal dari sebuah prasasti dalam bahasa Sanskrit dan Jawa (1006M). *Hujung Medini* pula berasal dan syair *Jawa Nagara Kertagama* (1635M), manakala *Ujung Tanah* dipetik dari buku undang-undang Siam, *Kot Mont'ien Ban* (1360M). R.O. Winstedt, *A History of Johore*, [Sultan Ibrahim Reign (up to 1914)]. Added by Khoo Kay Kim in 1991. Kuala Lumpur: MBRAS. Reprint no. 6, 1992, hlm. 3-4.

² *Ganggayu* terdapat di dalam *Sejarah Melayu* yang membawa makna tempat yang menyimpan permata hampir sama ertiannya dengan perkataan Arab *Jauhar* tersebut. W.G. Shellabear, pnyt., *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1975, hlm. 10-11; Zakiah Hanum, (1989) *Asal-usul Negeri-negeri di Malaysia*, Times Books International, Singapura, hlm. 8-13. Sila rujuk juga tentang istilah-istilah asal Johor dalam R.O. Winstedt, “The Early History of Singapore, Johore and Malacca”, *JMBRAS*, no. 86, 1922, hlm. 257-260.

³ R.O. Winstedt, *A History of Johore*, hlm. 59 dan 195.

keunggulan kuasa politik dan ekonomi kerajaan Johor di Alam Melayu. Pada zaman ini juga terdapat ramai orang Arab yang berhijrah dan berdagang di ibu negeri Johor, Riau.⁴ Setelah itu, jawatan beliau telah diambil alih oleh anakandanya, Tun Abdul Jalil dengan gelaran Bendahara Paduka Raja. Setelah Sultan Mahmud Syah II mangkat pada tahun 1699 dengan tanpa meninggalkan waris, maka Bendahara Tun Abdul Jalil telah diisytiharkan sebagai Sultan Johor dengan memakai gelaran Abdul Jalil Riayat Syah pada 3 September 1699.⁵ Sesungguhnya peristiwa ini amat penting dalam konteks salasilah keturunan Raja-Raja Melayu bukan sahaja di Johor, tetapi juga di Pahang dan Terengganu kerana mereka secara tidak langsung mempunyai darah keturunan Arab. Ia juga dapat menunjukkan bahawa orang Arab telah memainkan peranan penting dalam politik negeri ini sejak abad ke-17M lagi.

Penglibatan orang Arab dalam politik tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa betapa eratnya hubungan mereka dengan pihak istana. Keadaan ini membolehkan orang Arab terdidik dalam sistem birokrasi yang mengamalkan dasar pengelasan masyarakat yang amat sesuai dengan keadaan dan kehendak jiwa mereka, terutamanya golongan Syed Alawiyyah. Oleh itu, tidak hairanlah jika mereka dianggap sebagai golongan birokrat yang mempunyai status tinggi dalam masyarakat Melayu. Kedudukan ini juga memberi kesan besar kepada mereka untuk mencari pengaruh, kekayaan ekonomi dan seterusnya berkuasa di beberapa negeri Alam Melayu.

Dari sudut pentadbiran, mereka telah memainkan peranan penting dalam bidang ini sejak zaman Sultan Abu Bakar. Jika berdasarkan maklumat terawal tentang

⁴ Leonard Y. Andaya, *The Kingdom of Johore, 1641-1728*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 180-181.

⁵ Ibid., hlm. 186.

pentadbiran awam kerajaan negeri Johor iaitu *Straits Calender Directory*, terdapat tiga orang Arab terlibat secara langsung di dalam Ahli Mesyuarat Johor pada tahun 1873. Mereka ialah Ungku Ahmed Syed Abdullah (Residen Pengerang), P.S. Sheikh Abdul Rahman Khatib (Penguasa Lombong di Sedili) dan Syed Muhamed.⁶ Penglibatan awal mereka ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri tidak menafikan kedudukan dan hak mereka dalam bidang pentadbiran, termasuk jawatan peningkat tertinggi.

Pada ghalibnya, jawatan pentadbiran bahagian hal-ehwal agama Islam negeri diberikan keutamaan kepada masyarakat Arab. Masyarakat Arab mendapat kepercayaan daripada sultan kerana kewibawaan mereka sebagai ahli agama, terutamanya jika mereka berketurunan Syed Alawiyyah.⁷ Mereka merupakan keturunan yang pertama menyandang jawatan mufti.⁸ Selain jawatan mufti, terdapat masyarakat Arab yang bekerja sebagai kadi dan imam, di samping sebagai kakitangan sokongan seperti kerani di Jabatan Pendaflaran Nikah dan Cerai, guru agama dan bilal. Mereka juga terlibat di

⁶ Tokoh-tokoh lain yang terlibat dalam Ahli Mesyuarat Johor 1873 ialah Ungku Abdul Rahinan sebagai Yang Dipertua (Wakil Mutlak Maharaja), Raja Alunad (bekas Residen Iskandar Puteri), Ungku Abdul Majid, Datuk Bentara Jaafar Haji Mubamad (Setiansaha Kerajaan), Haji Mohamad Salleh (Majistret), Muhamad Salleh Perang (Pesuruhjaya Polis Johor), Haji Osman, En. Osman, En. Abu Talib (Ketua Jabatan Laut), En. Mi (Residen Senggarang), Haji Abdul Ralunan (Imam), En. Abdul Kadir, En. Andak, En. Awal, En. Nong Yahya (Residen Tanjung Surat), Mejari Tan Hiok Nee (Pemajak Candu dan Arak Johor) dan Kapitan Cina Tye Haing. *The Straits Calender and Directory*, 1873 (Mikrofilem, NL 1174-88, National Library of Singapore). Sila bandingkan juga dengan Ahmad Fauzi Basri, *Johor 1855-1917*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1988, hlm. 38 dan 55.

⁷ W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, ed. ke-2, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 41; Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Orang Syed di Pahang*, Kuala Lumpur: DBP, 1984, hlm. 75.

⁸ Mufti Johor pertama ialah Syed Salim Ahmed al-Atlas (1873 hingga 1899), *The Straits Calender and Directory*, 1873. Namun begitu, mengikut Othman Haji Ishak, tarikh rasmi perlantikan Syed Salim ialah pada tahun 1895. Hal ini bersandarkan kepada tahun terbentuknya “Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895”. Lihat karyanya, *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 31. *The Singapore and Straits Directory*, 1899, hlm. 292. Walau bagaimanapun, menurut *The Singapore and Straits Calender and Directory*, 1883, hlm. 123, yang menjadi mufti tahun 1883 ialah Syed Muhamed Sheikh. Lihat juga, Sahari Jantan, “Perkembangan Pentadbiran Johor Abad ke-19”, *Jebat*, bil. 5/6, 1975, hlm. 78.

jabatan-jabatan kerajaan yang lain seperti di Jabatan Polis, Jabatan Perubatan, Mahkamah Tinggi, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Ukur Tanah dan Bandar, serta Jabatan Tanah dan Lombong. Berdasarkan kepada perangkaan *The Singapore and Straits Calendar and Directory*, didapati terdapat pertambahan mereka yang bekerja di dalam sektor awam iaitu 19 orang (1910) berbanding hanya 13 orang sahaja (1900).⁹

Jawatan yang disandang oleh orang Arab meliputi semua peringkat dan mereka bertaburan di seluruh daerah negeri Johor, terutamanya selepas dekad pertama abad ke-20M.¹⁰ Penglibatan dalam jentera pentadbiran tersebut menunjukkan mereka mendapat kedudukan yang baik daripada pihak pemerintah. Jelasnya mereka bersama-sama penduduk tempatan dan orang asing yang lain (orang Inggeris dan Cina) bekerjasama membantu kerajaan dalam memantapkan lagi sistem birokrasi Johor. Sistem birokrasi ini banyak membantu kepada kestabilan politik dan ekonomi yang menjadi faktor terpenting untuk mereka terus menetap di negeri ini.

Penghijrahan dan Penempatan Masyarakat Arab

Penghijrahan masyarakat Arab ke Johor berlaku secara berperingkat-peringkat dan menerusi dua cara iaitu secara langsung dan tidak langsung. Secara langsung dari Semenanjung Arab ke Johor adalah jarang dilakukan, tetapi kebiasaannya secara tidak

⁹ Sila rujuk, *The Singapore and Straits Calendar and Directory*, 1900, hlm. 306-314; dan tahun 1910, hlm. 423-439. Mikrofilem NL 1174, National Library of Singapore.

¹⁰ Contohnya, lihat permohonan pekerjaan atau pertukaran jawatan daripada pekerja-pekerja kerajaan berketurunan Arab dalam fail, CLM 80/1911, surat Pejabat Ukur Muar untuk Syed Ibrahim Seh kepada CLM pada 8 Mac 1911; CLMS 345/1913, surat Syed Salleh Abdul Rahman kepada Pejabat Pos pada 2 Jun 1913. Permohonan menaikkan gaji, meminjam wang daripada kerajaan atau cuti di dalam fail, CLM 625/1910, surat permohonan menaikkan gaji daripada Syed Umar Ali kepada CLM pada 11 Disember 1910; CLMS 154/1913, surat Syed Ahmad Zin memohon cuti kepada CLMS pada 20 Mac 1913; 400/1914, surat permohonan Syed Mustaffa Akil untuk meminjam wang kepada CLMS pada 20 Jun 1914 dan GA 687/1914, Surat Syed Ali Husain memohon cuti kepada Mahkamah Besar Johor Bahru pada 11 Oktober 1914.

langsung. Sebelum sampai ke Johor mereka telah singgah di beberapa kawasan sekitar Nusantara seperti Singapura, negeri-negeri Tanah Melayu dan Kepulauan Indonesia. Penghijrahan dari satu negeri ke satu negeri lain atau dari satu daerah ke daerah lain merupakan adat kebiasaan yang pernah dilakukan oleh orang Arab sejak mereka berada di Semenanjung Arab. Tujuan mereka untuk bermiaga sambil berdakwah di tempat-tempat yang mereka singgah sama ada di kota atau di desa, di samping mencari kuasa pengaruh. Dengan cara itu didapati keadaan mereka bertaburan di sana-sini dan hidup berkelompok-kelompok.

Sebahagian besar masyarakat Arab di Johor terdiri daripada keturunan Syed¹¹ Alawiyyah. Mereka berasal dari daerah Tarim, Yaman. Struktur masyarakatnya berpuak-puak mengikut nama keluarga masing-masing. Antara nama keluarga Arab keturunan Syed seperti al-Sagoff, al-Idrus, al-Attas al-Kaff, al-Haddad, al-F al-Aidid, al-Khirid dan al-Hinduan.¹² Di Johor, masyarakat Arab bukan sahaja terdiri daripada orang Arab Syed

¹¹ Perkataan *Syed* adalah berasal dan perkataan Arab *Sayyid*, jamak, *sadah* atau *asyad*, dari kata dasar *sa wa da* (*sa da*) yang bermaksud pengetua atau pemimpin. Dalam konteks yang lain pula, perkataan *Sayyid* bererti ketua atau suku kaum (*Sayyid al-Qabilah*), yang lazimnya digunakan dalam masyarakat bersukuuan. Kalimah *Sayyid* juga diertikan sebagai orang bangsawan (lihat, *al-Qur'an*, surah al-Imran, ayat 39), suami (lihat, *al-Qur'an*, surah Yusuf, ayat 25), tuan, ahli tasawuf dan *sharf* dari kata dasar *ashraf*. Gelaran *sayyid* dan *sharif* dikatakan mempunyai kaitan dengan keturunan Nabi. Pada kebiasaannya golongan *sharif* hanya ditentukan kepada keluarga Sayidina Husain yang kebanyakannya terdapat di Yaman dan Hadramaut. Ketunman Sayid Hadrami boleh juga dipanggil habib yang membawa erti orang yang dikesih. Lihat, Mahayudin Haji Yahaya, "Latarbelakang sejarah keturunan Sayid di Malaysia", *Nusantara*, bil. 2 1984, hlm. 60-61; C.V. Avendok, "Sharif", dalam M. Tb. Houtsma, A.J. Wensik, pnyt., *The Encyclopaedia of Islam*, vol. 4, New Edition, Leiden: E.J. Brill, 1986, hlm. 326. Menurut Hamka, gelaran syarif diberikan untuk keturunan Hassan ibn Ali, manakala gelaran Syed untuk keturunan Husain ibn Ali. Di sesetengah negeri pula, ditetapkan sekalian keturunan Hassan dan Husain bergelar syed, dan jika mereka menjadi raja (sultan) digelar Syarif. Lihat, Hamka, "Masuk dan berkembangnya agama Islam di daerah persisir Sumatera Utara", dalam *Risalah Seminar Sefarah Masuknya Islam ke Indonesia*, t.pt, Medan, 1963, him. 75.

¹² Semua nama keluarga keturunan Syed ini berdasarkan beberapa fail yang dirujuk sebelum merdeka di Arkib Negara Malaysia, Cawangan Selatan, Johor/Melaka (ANMCS) seperti *Setiausaha Kerajaan Johor* (*State Secretary of Johore*), *Financial Commissioner of Johore*, *Commissioner of Land and Mines, Johore* dan *General Adviser of Johore*.

Alawiyyah, tetapi juga bukan keturunan Syed yang bergelar Sheikh. Masyarakat Arab bergelar Sheikh adalah mereka yang terdiri daripada keturunan Arab kebanyakan iaitu mereka bukan daripada keturunan Nabi Muhammad s.a.w.

Bancian penduduk Tanah Melayu bagi masyarakat Arab paling awal dicatatkan ialah pada tahun 1824, iaitu terhad di Singapura sahaja. Manakala di Johor pula, tarikh terawal bancian dilakukan ke atas masyarakat Arab hanya pada 1911. Merujuk Jadual 1, pada tahun 1911 lebih tiga suku daripada masyarakat Arab di Tanah Melayu tertumpu di tiga buah negeri iaitu Singapura (1237 orang), Pulau Pinang (702 orang) dan Johor (699 orang). Dalam tahun 1921, Johor telah mengambil kedudukan Pulau Pinang sebagai tempat kedua jumlah penduduk Arab teramai iaitu 736 orang. Manakala di Pulau Pinang jumlahnya merosot kepada 520 orang dan Singapura terdapat sedikit pertambahan iaitu 1282 orang. Jumlah penduduk sepuluh tahun kemudian di Johor meningkat hampir setengah kali ganda iaitu seramai 1345 orang pada tahun 1931. Peningkatan jumlah penduduk Arab juga berlaku di Singapura iaitu dari orang kepada 1939 orang. Pada tahun 1947 pula, jumlah penduduk Arab terus menunjukkan peningkatan di Johor iaitu seramai 1897 orang. (Lihat, Jadual 2) Berasaskan perangkaan penduduk tersebut, dapat dibuat kesimpulan bahawa jumlah mereka bertambah secara positif dari semasa ke semasa sepetimana yang berlaku di Singapura. Perkara ini berlaku kerana kedudukan Singapura berhampiran dengan negeri Johor, di samping terdapatnya jalinan ekonomi di antara kedua-dua negeri berkenaan.

Jadual 1:
Statistik bancian penduduk Arab di Tanah Melayu (1881-1931)

Negeri/Tahun	1881	1891	1901	1911	1921	1931
Singapura	836	806	919	1237	1282	1939
P.Pinang	574	684	542	702	520	605
Melaka	227	95	45	135	56	88
Perak		51	69	50	101	55
Selangor		27	31	73	82	70
N. Sembilan		20	27	62	78	88
Pahang		329	447	152	395	189
Johor				699	736	1345
Kedah				119	226	113
Penis				10	154	143
Kelantan				17	118	213
Terengganu				186	567	89
Jumlah	1637	2012	2080	3442	4315	4937

Sumber : *Proceedings of the Legislative council of the Straits Settlements for 1881; Census of the Straits Settlements, 1881; Report on the Census of the Straits Settlements, 1891; Census of the Straits Settlements, 1901; The Census of the Federated Malay States, 1911; The Census of the British Malaya, 1921; British Malaya: A Report on the 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistics.*

Pola taburan orang Arab di negeri Johor mengikut daerah hanya terdapat di dalam bancian penduduk tahun 1947. Memandangkan bancian sebelum tahun 1947 tidak ada direkodkan, maka untuk analisis tersebut bolehlah digunakan sebagai panduan awal untuk merujuk kepada pola taburan penduduk Arab mengikut daerah sebelum zaman penjajahan British. Kebanyakan mereka tumpu di tiga daerah iaitu Batu Pahat, Johor Bahru, Muar dan sejumlah kecil mereka di daerah Mersing, Kota Tinggi, Pontian, Kluang dan Segamat (Lihat Jadual 2). Rata-rata mereka tertumpu di bandar seperti Johor Bahru, Penggaram (Batu Pahat) dan Maharani (Muar). Hal ini kerana ketiga-tiga bandar ini paling awal dibangunkan oleh kerajaan Johor. Masyarakat Arab juga turut membina perkampungan mereka sendiri seperti Kampung Wadi Hana dan Kampung Wadi Hassan di Johor Bahru, di samping jalan-jalan yang diambil sempena nama Arab atau tokoh-tokoh Arab seperti Jalan Arab di Muar, Jalan al-Sagoff di Pontian, Jalan Muhamed Mufti al-Attas dan Jalan Hassan al-Attas di Johor Bahru.¹³

Faktor-faktor yang mendorong kepada kedatangan orang Arab ke Johor pula, analisis akan dibuat berdasarkan perspektif *regional* sama ada Nusantara atau Tanah Melayu. Hal ini disebabkan adanya hubungan secara langsung dan tidak langsung di antara Johor dengan negeri-negeri lain di Alam Melayu seperti politik, ekonomi dan sosio-budaya mereka.

¹³ Mohd Sohaimi Esa, *Ekonomi Orang Arab di Johor: (1862-1942)*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 1999, hlm. 54-55.

Jadual 2:

Bancian penduduk Arab mengikut daerah di Johor pada tahun 1947

Daerah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Batu Pahat	350	299	649
Johor Bahru	276	282	558
Muar	252	249	501
Mersing	42	27	69
Kota Tinggi	27	25	52
Pontian	23	18	41
Kluang	9	5	14
Segamat	7	6	13
Jumlah	986	911	1897

Sumber: *A Report on the 1947 Census of Population of Malaya, 1949*, The Government Printer, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 305.

Pada pendapat W.R. Roff¹⁴ dan Mahayudin Haji Yahaya,¹⁵ perniagaan menjadi faktor utama yang mendorong kedatangan orang Arab ke Nusantara. Ia berikutan dan keadaan yang stabil di rantau ini bagi membolehkan perkembangan ekonomi, dan hubungan laut yang semakin baik di antara negeri Timur Tengah dengan Tanah Melayu

¹⁴ W.R. Roff, *The Origin of Malay Nationalism*, hlm. 40.

¹⁵ Walau bagaimanapun, kedatangan orang Arab ke Tanah Melayu bukanlah semata-mata didorong oleh faktor perniagaan sahaja, tetapi juga dengan tujuan menyebarkan agama Islam ke rantau ini. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Mahayudin Haji Yahaya, "Latarbelakang Sejarah Keturunan Sayid di Malaysia", hlm. 71-72.

pada abad ke-19M. Dasar pentadbiran British terhadap orang Arab telah membantu mereka berhijrah ke Tanah Melayu. Pihak British bukan sahaja memberi galakan, tetapi telah menarik pedagang-pedagang asing terutamanya bangsa Arab, India dan Cina untuk membantu kegiatan perdagangan di rantau ini. Pihak British juga memberi pelbagai insentif seperti jaminan keselamatan urusan perniagaan, kestabilan ekonomi dan pelepasan cukai.¹⁶

Sultan Johor pula, baginda telah dapat mewujudkan suasana politik negeri yang stabil serta jaminan ekonomi yang mapan untuk menarik perhatian pelabur-pelabur Arab. Malah baginda sanggup memberikan tanah konsesi dan lombong untuk diusahakan, serta sebahagian daripada mereka dilantik ke jawatan-jawatan tinggi kerajaan.

Kedatangan orang Arab ke Tanah Melayu juga dapat dikaitkan dengan faktor luar iaitu kekacauan yang berlaku di Hadramaut pada abad ke-19M. Kekacauan ini berkaitan dengan penentangan puak Wahhabi¹⁷ terhadap golongan Syed Hadrami yang menyebabkan mereka lari keluar, termasuklah berhijrah ke Tanah Melayu.¹⁸ Mereka terpaksa lari kerana keadaan politik yang tidak stabil dan kedudukan ekonomi mereka terjejas akibat kekacauan itu. Sebahagian besar mereka yang berhijrah ke Tanah Melayu pada abad ke-19M dan awal abad ke-20M menuju ke Singapura. Kebetulan pula Singapura berhampiran dengan Johor, maka tidak hairanlah jika penduduk Arab di negeri

¹⁶ Ibid., hlm. 72.

¹⁷ Kaum Wahhabi ialah golongan modenis Islam yang diasaskan oleh Muhammad Abdul Wahhab di Arab Saudi pada abad ke-19M. Mereka berusaha untuk menghapuskan golongan Syed Hadrami yang dikatakan berfahaman konservatif. Lihat keterangan lanjut dalam Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: DBP, 1987, hlm. 209-214.

¹⁸ Mahayudin Haji Yahaya, "Latarbelakang Sejarah Keturunan Sayid Malaysia", hlm. 72-73.

ini terus bertambah dari dekad ke dekad. Walaupun begitu, mereka masih tergolong sebagai golongan minoniti. Menurut bancian penduduk Arab di Johor pada tahun 1911 jumlah mereka hanya 699 orang sahaja, berbanding dengan jumlah keseluruhan penduduk Johor seramai 180,412 orang.¹⁹ Pada tahun 1921 pula, masyarakat Arab berjumlah 736 orang, manakala keseluruhan penduduk negeri ini kira-kira 282,234 orang.²⁰

Dari sudut sosio-budaya, masyarakat Arab di Johor adalah sama seperti yang terdapat di seluruh Alam Melayu. Mereka mempunyai sistem sosial yang kukuh dan berpegang kuat kepada ikatan keluarga, khususnya keturunan Syed Alawiyah. Perpaduan sosial mereka adalah berasaskan kepada semangat *asabiyah* dan ikatan nasab (keturunan) daripada Rasulullah s.a.w. Lambang kemuliaan dan kebesaran inilah yang menyebabkan setiap individu masyarakat Arab Syed mematuhi undang-undang keluarga sehingga sampai kepada peringkat fanatik. Semangat dan tanggungjawab kekeluargaan ini telah disemai dan dipupuk sejak mereka berada di Hadramaut lagi. Perasaan cinta dan tanggungjawab terhadap keluarga dan keturunan jugalah yang melahirkan tidak sedikit pakar-pakar Ilmu Keturunan (*al-Ansab*) dalam kalangan masyarakat Arab Syed. Antara lain buku-buku keturunan yang dihasilkan oleh mereka ialah *Kitab al-Nashra' al-Rawwi fi Nanaqib al-Sadah al-Kiram al-Abi 'Alawi* oleh Shali yang diterbitkan di Kahirah pada tahun 1901-1902.²¹ Buku ini pada keseluruhannya menyentuh tentang nasab keturunan

¹⁹ *The Census of the Federated Malay States 1911*, Darling and Sons London, 1911, hlm. 57 dan 107.

²⁰ *The Census of British Malaya 1921*, Waterlow and Sons Ltd., London 1922, hlm. 91 dan 194.

²¹ Mahyudin Haji Yahaya, "Sejarah Awal Masyarakat Arab di Pahang," *Nusantara*, hlm. 82.

Syed Alawiyyah yang telah dijadikan panduan bukan sahaja di Johor, malah di negeri-negeri lain di Tanah Melayu.

Tujuan memelihara salasilah keturunan itu ialah untuk menjaga perpaduan dan kesucian keturunan masyarakat Arab Syed daripada pencemaran masyarakat luar. Ia juga penting untuk memelihara taraf kedudukan mereka yang mulia dalam kalangan masyarakat Islam di Tanah Melayu. Justeru itu, mereka bercita-cita untuk mewujudkan sebuah komuniti yang beridentitikan keturunan di rantau ini dengan berlandaskan prinsip agama dan kepercayaan yang dibawa oleh pemimpin mereka yang terdahulu seperti al-Faqih al-Muqaddam.²²

Perkara di atas amat jelas berlaku di negeri Johor apabila tubuhnya persatuan khusus untuk masyarakat Arab iaitu *Jam'iyyah al-Arabiyyah* pada tahun 1923. Semua ahli jawatankuasa persatuan ini terdiri daripada orang Arab Syed dengan diketua oleh Syed Husain Salim al-Attas. Tujuan persatuan ini untuk “membangkitkan beberapa kebijakan persahabatan pelajar dan kesejahteraan” untuk ahli-ahlinya.²³ Pada hakikatnya, penubuhan persatuan ini dapatlah ditafsirkan sebagai suatu usaha untuk memperbaiki dan memperkuuhkan lagi kedudukan masyarakat Arab Syed di Johor. Oleh itu, mereka tidak boleh dianggap sebagai orang Melayu sebagaimana yang ditafsirkan dalam Perlembagaan Negeri Johor di bawah Enakmen No. 1, 1936:

²² Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Orang Syed di Pahang*, hlm. 58.

²³ Lihat, , SS 2843/1923, *Jam'iyyah at- 'Arabiyyah* berhubung dengan pendaftarannya sebagai sebuah pertubuhan, ahli-ahli jawatankuasa dan peraturan-peraturannya.

*“Malay” means a person belonging to the Malay or Malaysian race who habitually speaks the Malay language or any Malaysian language and professes the Muslim religion.*²⁴

Jikalau masyarakat Arab bukan tergolong dalam kalangan orang Melayu, maka secara langsung juga menandakan mereka tidak boleh memiliki Tanah Simpanan Melayu (*Malay Reservation*).

Walau bagaimanapun, kedua-dua perkara yang termaktub di dalam undang-undang tersebut masih “longgar” dalam perlaksanaannya. Oleh sebab masyarakat Arab lebih mudah menyesuaikan diri dengan orang Melayu berbanding dengan orang Cina dan India kerana mereka seagama dan satu mazhab. Hubungan mereka cukup mesra sehingga masyarakat Arab banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur kemelayuan, sama ada dari segi pakaian, makanan, tutur bahasa dan lain-lain yang pada keseluruhannya tidak berbeza dengan cara hidup orang Melayu.²⁵ Kedudukan mereka itu diakui oleh salah seorang Menteri Besar Johor, Dato’ Onn Jaafar yang menganggap bahawa orang Arab mempunyai hak yang sama sebagaimana yang dinikmati oleh orang Melayu.²⁶ Perubahan corak hidup mereka ke arah kemelayuan itu kebanyakannya berlaku dalam lingkungan generasi muda yang lebih dikenali sebagai “Arab Peranakan”.²⁷

²⁴ *State of Johore Enactment, 1936*, hlm. 1.

²⁵ Mohd Sohaimi Esa, *Ekonomi Orang Arab di Johor*, hlm. 59.

²⁶ GA 27/1940, surat Onn Jaafar kepada Pengarah Pejabat Perubatan Johor Bahru pada 31 Januari 1940. Dato’ Onn telah menimbulkan perkara ini kerana Syed Omar Mohd. Ali dan Syarifah Esah Hussein dari Muar membuat aduan kepada kerajaan untuk menuntut hak perkhidmatan perubatan percuma di hospital Muar. Bagi Dato’ Onn, mereka seharusnya tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut kerana status kedua-duanya sama seperti orang Melayu.

²⁷ “Arab peranakan” ialah orang Arab yang diasimilasikan dengan kehidupan seperti orang Melayu, dan bukan lagi Arab jati. Pada kebiasaannya ia berlaku setelah mereka bergaul lama dengan masyarakat tempatan dan terdapat juga dalam kalangan mereka yang berkahwin dengan orang Melayu.

Kesimpulan

Pada umumnya, masyarakat Arab telah mendapat kedudukan yang baik dalam kalangan pemimpin dan masyarakat Johor. Mereka tidak menghadapi masalah kerakyatan dan diterima baik dari sudut politik dan pentadbiran kerajaan negeri. Masyarakat Arab diterima dengan baik kerana kesediaan mereka sendiri untuk menerima proses asimilasi dengan budaya tempatan. Proses ini amat penting kerana banyak membantu mereka untuk terus tinggal dan menetap di Johor.

Rujukan

Sumber Awalan

- A Report on the 1947 Census of Population of Malaya.* (1949). Kuala Lumpur: The Government Printer, Federation of Malaya.
- British Malaya: A Report on the 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistics.* (1932). London: The Malayan Information Agency.
- Census of the Straits Settlements, 1881.* 1881. Singapore: The Government Printing Office, Straits Settlement.
- Commissioner of Land and Mines, Johore, 1910-1914.*
- General Adviser (GA), 1914 dan 1940.*
- State of Johore Enactment, 1936.* Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Selatan.
- State Secretary of Johore (Setiausaha Kerajaan Johor), 1923.*
- The Census of the Federated Malay States 1911.* 1911. London: Darling and Sons, Ltd.
- The Straits Calender and Directory, 1873* (Mikrofilem, NL 1174-88, National Library of Singapore).
- Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements for 1881.* 1881. Singapore: The Government Printing office, Straits Settlements.
- Report on the Census of the Straits Settlements, 1891.(1892).* Singapore: The Government Printing Office, Straits Settlement.
- Report on the Census of the Straits Settlements, 1901.* Singapore: The Government Printing Office, Straits Settlement.
- The Census of the Federated Malay States, 1911.* 1911. London: Darling and Sons, Ltd.
- The Census of the British Malaya, 1921.* 1922. London: Waterlow and Sons, Ltd.
- The Straits Calender and Directory, 1873* (Mikrofilem, NL 1174-88, National Library of Singapore).

Buku dan Artikel

- Avendok, C.V. 1986. Sharif. dalam M. Tb. Houtsma, A.J. Wensik, pnyt., *The Encyclopeadia of Islam*, vol. 4, New Edition, Leiden: E.J. Brill.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1987). *Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: DBP.
- Ahmad Fawzi Basri. (1988). *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Andaya, Leonard Y. (1975). *The Kingdom of Johore 1641-1728*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hamka, (1963). "Masuk dan berkembangnya agama Islam di daerah persisir Sumatera Utara", dalam *Risalah Seminar Sefarah Masuknya Islam ke Indonesia*. Medan: tanpa penerbit:

- Mahayudin Haji Yahaya. (1984). *Sejarah Orang Syed di Pahang*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mahyudin Haji Yahaya. (1984). Sejarah Awal Masyarakat Arab di Pahang. *Nusantara*, bil. 2.
- Mohd Sohaimi Esa. (1999). *Ekonomi Orang Arab di Johor: (1862-1942)*, Kota Kinabalu: Penerbitan UMS.
- Roff, W.R. (1994). *The Origins of Malay Nationalism*, ed. ke-2. Kuala Lumpur: Oxford University Press.,
- Sahari Jantan. (1975). Perkembangan Pentadbiran Johor Abad ke-19. *Jebat*, bil. 5/6.
- Shellabear, W.G. pnyt., 1975. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Winstedt, R.O. (1992). *A History of Johore* [Sultan Ibrahim Reign (up to 1914)]. Added by Khoo Kay Kim in 1991. Kuala Lumpur: MBRAS. Reprint no. 6.
- Winstedt, R.O. (1922). "The Early History of Singapore, Johore and Malacca", *JMBRAS*, no. 86.
- Zakiah Hanum. (1989). *Asal-usul Negeri-Negeri di Malaysia*. Singapura: Times Books International, ,